



9 772735 182009

PENEMUAN UTAMA

- Pada Disember 2021, penduduk bekerja kekal meningkat dengan pertambahan marginal sebanyak **0.2 peratus** atau bersamaan dengan **38.3 ribu orang** bulan ke bulan kepada **15.65 juta orang** (November 2021: 15.61 juta orang). Pada bulan tersebut, **nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga merekodkan peningkatan kecil kepada **66.1 peratus** (November 2021: 66.0%).
- Dari segi sektor ekonomi, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan kekal tinggi bagi bulan keenam terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan dan Pembinaan juga mencatatkan pertumbuhan positif bagi lima bulan berturut-turut manakala guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian terus menurun sejak Ogos 2020.
- Pada bulan Disember, **kategori pekerja** yang merangkumi **76.8 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja, **meningkat** sebanyak **0.1 peratus (+17.6 ribu orang)** mencatatkan **12.02 juta orang** (November 2021: 12.0 juta orang). Begitu juga, **kategori penduduk bekerja sendiri** yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil, **terus mencatatkan pertambahan** sebanyak **0.5 peratus (+12.2 ribu orang)** kepada **2.64 juta orang** (November 2021: 2.63 juta orang).
- Pada bulan terakhir 2021, bilangan **penganggur** terus menurun sebanyak **1.0 peratus (-6.8 ribu orang)** bulan ke bulan kepada **687.6 ribu orang** (November 2021: 694.4 ribu orang) mencatatkan **kadar pengangguran Disember yang lebih rendah** pada **4.2 peratus** (November 2021: 4.3%).
- Menjelang akhir tahun, bilangan **tenaga buruh** meningkat sebanyak **31.5 ribu orang** atau **0.2 peratus** kepada **16.34 juta orang** (November 2021: 16.30 juta orang). Oleh itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada Disember 2021 **meningkat** kepada **69.0 peratus** (November 2021: 68.9%), iaitu KPTB tertinggi yang direkodkan sejak Januari 2020. Situasi ini memberi isyarat bahawa orang ramai semakin optimis terhadap pasaran buruh, sekali gus mendorong mereka untuk mencari pekerjaan.
- Pada Disember 2021, penurunan dalam bilangan **luar tenaga buruh** berterusan, dengan pengurangan sebanyak **6.7 ribu orang (0.1%)** kepada **7.34 juta orang** (November 2021: 7.34 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah **disebabkan oleh bersekolah/latihan** dengan sumbangan sebanyak 41.5 peratus dan diikuti oleh kategori **kerja rumah / tanggungjawab keluarga** dengan 41.3 peratus.
- Di Malaysia, kesan daripada pandemik ini menyebabkan pemulihran ekonomi sedikit terganggu dan ia juga turut menjelaskan pemulihran semula keseluruhan pasaran buruh memandangkan pemulihannya berkadar terus dengan prestasi ekonomi. Dengan semua negeri berada dalam Fasa 4 PPN bermula Januari 2022 telah membolehkan aktiviti perniagaan dan sosial beroperasi pada kapasiti penuh. Tambahan pula, pembukaan sesi persekolahan pada 9 Januari 2022 dijangka memberi lebih banyak impak positif terhadap aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Lebih banyak aktiviti perjalanan di dalam dan luar negara juga dilihat pada bulan tersebut. Perkembangan positif ini memberi isyarat bahawa pasaran buruh dijangka akan terus bertambah baik pada bulan-bulan yang akan datang, namun tidak mengambil kira cabaran varian baharu dan lebih berbahaya.

GUNA TENAGA TERUS MENGALAMI PERTUMBUHAN YANG LEBIH BAIK PADA DISEMBER 2021 MANAKALA PENGANGGURAN SEMAKIN BERKURANG BERIKUTAN AKTIVITI PERNIAGAAN DAN SOSIAL KEKAL BEROPERASI

Tahun 2021 merupakan tahun kedua pandemik COVID-19 terus melanda dunia dan telah membawa cabaran luar jangkaan kepada pemulihan ekonomi serta pasaran buruh di peringkat global, justeru, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menangani krisis kesihatan tersebut. Bagi Malaysia, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan dalam usaha untuk mengimbangi antara melindungi kesihatan rakyat dan memulihkan semula ekonomi negara.

Pada bulan pertama 2021, pasaran buruh kekal mencabar berikutan peningkatan jumlah kes baharu harian COVID-19. Sehubungan itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 telah dilaksanakan bermula 13 Januari 2021 di sebahagian besar negeri. Langkah yang ketat ini hanya memberikan lima sektor ekonomi penting beroperasi dengan waktu operasi perniagaan yang terhad, manakala aktiviti perjalanan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan. Justeru, ia membawa kepada momentum pemulihan perniagaan yang tidak sekata dan seterusnya terhadap pasaran buruh. Kadar pengangguran pada bulan tersebut adalah 4.9 peratus dengan bilangan penganggur kekal tinggi, menghampiri 800 ribu orang.

Lebih banyak aktiviti ekonomi telah beroperasi semula pada bulan Februari 2021 termasuk aktiviti sukan dan kecergasan. Tambahan lagi, fasa pertama program vaksinasi yang bermula pada 24 Februari 2021, memberi sedikit keleongan kepada perniagaan dan komuniti. Oleh itu, dapat dilihat bahawa situasi tersebut bertambah baik secara beransur-ansur menjelang bulan Mac 2021, berikutan kebanyakan negeri berada dalam PKP Pemulihan manakala beberapa negeri yang lain berada dalam PKP Bersyarat di mana sebahagian aktiviti ekonomi terus beroperasi dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Selaras dengan peralihan fasa PKP dan pelaksanaan program vaksinasi COVID-19, lebih banyak aktiviti ekonomi dibenarkan untuk beroperasi semula, dicerminkan oleh proses pemulihan tenaga buruh pada bulan tersebut. Selain itu, sejak awal bulan Mac, aktiviti pra-sekolah dan sekolah rendah telah dibuka semula; justeru, membolehkan aktiviti perniagaan berkaitan pendidikan seperti kantin dan perkhidmatan bas sekolah juga beroperasi semula. Di samping itu, acara sosial seperti majlis perkahwinan, *reunions* dan perhimpunan dibenarkan dengan beberapa sekatan, bergantung kepada fasa PKP. Oleh itu, kedudukan tenaga buruh pada Mac 2021 bertambah baik merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi pada 68.6 peratus dengan peningkatan guna tenaga manakala pengangguran mencatatkan penurunan yang lebih besar.

Walau bagaimanapun, pada bulan Mei 2021, satu lagi gelombang COVID-19 dilihat di negara ini berikutan bilangan jangkitan harian baharu mencapai 6,000 kes. Sehubungan itu, PKP dilaksanakan di beberapa negeri mulai 3 Mei 2021. Dalam tempoh ini, institusi pendidikan ditutup, manakala aktiviti perhimpunan sosial dan keagamaan dilarang. Seterusnya, mulai 12 Mei 2021, PKP dilaksanakan di seluruh negara dan mulai 25 Mei, ianya menjadi semakin ketat. SOP yang diperketatkan ini termasuklah waktu pembelian yang terhad kepada pembeli, selain memendekkan waktu operasi bagi pusat membeli-belah dan kedai makan. Dalam tempoh ini, perjalanan rentas negeri dan daerah masih tidak dibenarkan termasuk aktiviti kunjung-mengunjung semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Seterusnya, pada bulan Jun 2021, negara terus berusaha melandaikan peningkatan kes baharu harian COVID-19. Justeru, "*full lockdown*" di seluruh negara dilaksanakan mulai 1 hingga 14 Jun, dan dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021. Pada fasa ini, hanya perkhidmatan penting sahaja yang dibenarkan beroperasi dengan waktu perniagaan yang dipendekkan sehingga jam 8.00 malam manakala sekatan perjalanan dibenarkan sehingga jarak 10 kilometer. Oleh itu, pemulihan pasaran buruh yang tidak sekata dilihat pada bulan tersebut dan situasi ini berpanjangan sehingga Julai 2021. Bilangan pengangguran kekal tinggi manakala guna tenaga menurun. Selain itu, pada 15 Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan pelan hala tuju baharu untuk mengawal pandemik COVID-19 yang dikenali sebagai Pelan Pemulihan Negara (PPN), yang terdiri daripada empat fasa yang dilaksanakan berdasarkan bilangan kes harian baharu, kadar vaksinasi dan kemasukan pesakit COVID-19 ke Unit Rawatan Rapi (ICU).

Pada bulan Ogos dan awal September 2021, pelaksanaan PPN berterusan untuk memulihkan ekonomi di samping membendung bilangan kes baharu dan kematian COVID-19 yang tinggi. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terpantas dalam pemberian vaksin kepada rakyat dengan merekodkan lebih daripada 500,000 dos sehari melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), mencerminkan usaha yang berterusan dalam memerangi pandemik di negara ini. Pada 16 Ogos 2021, lebih banyak aktiviti perniagaan dibenarkan untuk terus beroperasi di bawah Fasa 1 PPN, antara lainnya adalah perkhidmatan mencuci kereta; pusat jualan pengedaran kereta, kedai pakaian; fesyen dan aksesori. Berkuatkuasa pada 20 Ogos 2021, kemudahan tambahan juga diberikan bagi mereka yang telah lengkap vaksinasi termasuk kebenaran untuk *dine in*. Tambahan lagi, aktiviti pasar malam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi dalam Fasa 1 PPN, namun terhad kepada pelanggan yang telah lengkap divaksin. Dengan peralihan kebanyakannya negeri ke fasa PPN berikutnya serta pelonggaran lebih banyak aktiviti ekonomi untuk beroperasi ditambah dengan kebenaran perjalanan rentas daerah di kawasan tertentu, menyaksikan kedudukan tenaga buruh yang menggalakkan pada bulan Ogos 2021 dengan mencatatkan pengangguran yang lebih rendah manakala guna tenaga meningkat. Selain itu, sepanjang bulan September 2021, kebenaran untuk beroperasi diperluaskan kepada lebih banyak aktiviti perniagaan dengan waktu operasi yang lebih panjang sehingga 12.00 tengah malam bagi semua fasa PPN. Begitu juga, pusat pelancongan di Terengganu dan Pulau Langkawi juga telah dibuka kepada mereka yang telah lengkap vaksinasi masing-masing pada 1 dan 16 September 2021. Oleh itu, aktiviti ekonomi yang lebih kukuh dapat dilihat pada bulan September 2021, sekali gus mendorong pasaran buruh untuk kembali mendapatkan momentumnya semula.

Memasuki bulan Oktober dan November 2021, sebahagian besar negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN, justeru menggalakkan pergerakan positif yang berterusan dalam ekonomi dan seterusnya pasaran buruh. Ini telah mendorong kepada pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit, serta aktiviti Penginapan dan Makanan & minuman. Di samping itu, krisis kesihatan semasa di negara ini juga kelihatan bertambah baik dengan jumlah vaksinasi lengkap yang semakin meningkat pada bulan tersebut sekali gus membolehkan perjalanan rentas negeri mulai 11 Oktober 2021 lalu membawa kepada lebih banyak aktiviti perjalanan bagi pelancongan domestik dan luar negara. Justeru, kedudukan tenaga buruh kekal stabil di kedua-dua bulan tersebut dengan peningkatan guna tenaga yang berterusan dan pengurangan dalam bilangan penganggur.

Pada bulan terakhir 2021, aktiviti perniagaan dan sosial kekal beroperasi berikutan empat belas negeri berada dalam Fasa 4 PPN, justeru, mendorong kedudukan tenaga buruh untuk pulih secara sederhana. Hal ini telah memacu guna tenaga untuk terus mengalami pertumbuhan yang lebih baik pada Disember 2021 sementara pengangguran terus menurun. Sementara itu, Indeks Pelopor (IP) melepas 100.0 mata dan bergerak ke atas pada November 2021 kepada 111.3 mata (November 2020: 109.4 mata), memberi isyarat bahawa Malaysia mengalami pemulihran ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang. Selain itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan menunjukkan eksport mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 10.4 peratus (November 2021: -1.9%) manakala import merekodkan penurunan sebanyak 0.4 peratus (November 2021: +5.9%).

Laporan Tenaga Buruh bagi Disember 2021 memperihalkan kedudukan penawaran tenaga buruh yang memasuki pelbagai fasa PPN. Laporan ini juga menghuraikan perubahan bulan ke bulan untuk mengkaji kesan langsung PPN dalam memulihkan ekonomi serta mengekang penularan COVID-19. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan statistik bulanan dengan berhati-hati memandangkan ianya tidak dibuat pelarasian musim. Di samping itu, perubahan tahunan dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya juga dilaporkan.

Penduduk bekerja kekal meningkat dengan pertambahan marginal sebanyak 0.2 peratus

Pada Disember 2021, penduduk bekerja kekal meningkat dengan pertambahan marginal sebanyak **0.2 peratus** atau bersamaan dengan **38.3 ribu orang** bulan ke bulan kepada **15.65 juta orang** (November 2021: 15.61 juta orang). Berbanding dengan Disember tahun lalu, bilangan penduduk bekerja terus meningkat sebanyak 433.3 ribu orang atau 2.8 peratus (Disember 2020: 15.22 juta orang).

Dari segi sektor ekonomi, guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan kekal tinggi bagi bulan keenam terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan dan Pembinaan juga merekodkan pertumbuhan positif bagi lima bulan berturut-turut manakala guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian terus menurun sejak Ogos 2020.


Pada bulan tersebut, **nisbah guna tenaga kepada penduduk** yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga merekodkan peningkatan kecil kepada **66.1 peratus** (November 2021: 66.0%). Berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, nisbah ini bertambah sebanyak 1.0 mata peratus (Disember 2020: 65.1%). [Carta 1]

Carta 1: Penduduk bekerja dan nisbah guna tenaga kepada penduduk, Januari 2018 - Disember 2021



Pada bulan Disember, **kategori pekerja** yang merangkumi **76.8 peratus** daripada jumlah penduduk bekerja, **meningkat** sebanyak **0.1 peratus (+17.6 ribu orang)** mencatatkan **12.02 juta orang** (November 2021: 12.0 juta orang). Begitu juga, kategori **penduduk bekerja sendiri** yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit; penjaja; penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil, **terus merekodkan peningkatan** sebanyak **0.5 peratus (+12.2 ribu orang)** kepada **2.64 juta orang** (November 2021: 2.63 juta orang). [Carta 2]

Carta 2: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, November dan Disember 2021




Pada bulan tersebut, **bilangan penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu mencatatkan pertambahan sebanyak 14.5 ribu orang (+12.9%) kepada 126.7 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (November 2021: 112.2 ribu orang). Peningkatan ini disebabkan oleh bencana banjir yang melanda kawasan tengah dan pantai timur negara pada pertengahan bulan tersebut. Walau bagaimanapun, perbandingan dengan satu tahun sebelumnya, kategori ini kekal menurun sebanyak 19.5 ribu orang (Disember 2020: 146.2 ribu orang). Kumpulan ini yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja.**

Kadar pengangguran yang lebih rendah direkodkan pada Disember 2021 iaitu pada 4.2 peratus

Pada bulan terakhir 2021, bilangan **penganggur terus menurun sebanyak 1.0 peratus (-6.8 ribu orang)** bulan ke bulan kepada **687.6 ribu orang** (November 2021: 694.4 ribu orang) merekodkan **kadar pengangguran Disember yang lebih rendah pada 4.2 peratus** (November 2021: 4.3%).


Perbandingan tahun ke tahun, bilangan penganggur menurun sebanyak 11.0 peratus atau 85.3 ribu orang (Disember 2020: 772.9 ribu orang). Oleh itu, kadar pengangguran berkurang sebanyak 0.6 mata peratus berbanding 4.8 peratus pada Disember 2020. [Carta 3]

Carta 3: Penganggur dan kadar pengangguran, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Disember 2021




Mengikut kategori pengangguran, **penganggur aktif** atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi **83.8 peratus** daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak **0.9 peratus** atau bersamaan dengan **5.3 ribu orang** merekodkan **576.5 ribu orang** (November 2021: 581.8 ribu orang). **Penganggur kurang daripada tiga bulan** meliputi **55.9 peratus** manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun¹ adalah 7.6 peratus. Bagi mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia yang dikategorikan sebagai **penganggur tidak aktif**, merekodkan penurunan sebanyak **1.3 peratus** atau bersamaan dengan **1.5 ribu orang** kepada **111.1 ribu orang** (November 2021: 112.6 ribu orang). [Carta 4]

Carta 4: Kategori penganggur dan tempoh menganggur, November dan Disember 2021



Pada bulan tersebut, **kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun tidak berubah** pada kadar **13.7 peratus**. Bilangan penganggur belia bagi kumpulan umur ini meningkat kepada 367.7 ribu orang dengan tambahan sebanyak 16.8 ribu orang atau 4.8 peratus berbanding bulan sebelumnya (November 2021: 350.9 ribu orang). Namun begitu, kadar pengangguran belia berumur **15 hingga 30 tahun** terus meningkat sebanyak **0.3 mata peratus** kepada **8.5 peratus** berbanding 8.2 peratus yang dicatatkan pada November 2021. [Carta 5]

Carta 5: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur terpilih, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Disember 2021




¹ Merujuk kepada orang yang menganggur selama setahun atau lebih (Source: KILM 11: long-term Unemployment) https://www.ilo.org/wcms5/groups/public/---dgreports/---stat/documents/publication/wcms_422451.pdf

KPTB pada Disember 2021 meningkat kepada 69.0 peratus

Menjelang akhir tahun, bilangan **tenaga buruh meningkat** sebanyak **31.5 ribu orang** atau **0.2 peratus** kepada **16.34 juta orang** (November 2021: 16.30 juta orang). Oleh itu, **kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** pada Disember 2021 **meningkat** kepada **69.0 peratus** (November 2021: 68.9%), iaitu KPTB tertinggi yang direkodkan sejak Januari 2020. Situasi ini memberi isyarat bahawa orang ramai semakin optimis terhadap pasaran buruh, sekali gus mendorong mereka untuk mencari pekerjaan.


Trend yang sama juga dilihat dalam perbandingan tahun ke tahun di mana bilangan tenaga buruh **bertambah sebanyak 347.9 ribu orang (2.2%)** berbanding 15.99 juta orang, justeru KPTB meningkat sebanyak 0.6 mata peratus (Disember 2020: 68.4%). [Carta 6]

Carta 6: Tenaga buruh dan KPTB, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Disember 2021



Analisis lanjut berkenaan indikator tenaga buruh bagi **Disember 2021**, **bilangan tenaga buruh lelaki** adalah **10.0 juta orang** (November 2021: 10.01 juta orang) manakala **tenaga buruh wanita** merekodkan seramai **6.33 juta orang** (November 2021: 6.29 juta orang). Dari segi KPTB, **KPTB lelaki** **kekalkan pada trend menaik** kepada **81.9 peratus** (November 2021: 81.7%) manakala **KPTB wanita** **tidak berubah** pada **55.2 peratus**. Sementara itu, perbandingan dengan bulan yang sama pada tahun sebelumnya, KPTB lelaki meningkat sebanyak 1.1 mata peratus (Disember 2020: 80.8%) manakala KPTB wanita mencatatkan peningkatan kecil sebanyak 0.1 mata peratus (Disember 2020: 55.1%). [Carta 7]


Carta 7: Tenaga buruh dan KPTB mengikut jantina, 1982 - 2020 dan Januari 2020 - Disember 2021



Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh bersekolah/ latihan

Pada Disember 2021, penurunan dalam bilangan **luar tenaga buruh** berterusan, dengan pengurangan sebanyak **6.7 ribu orang (0.1%)** kepada **7.34 juta orang** (November 2021: 7.34 juta orang). Trend yang sama juga dilihat dalam perbandingan tahun ke tahun, di mana bilangan luar tenaga buruh berkang sebanyak 34.4 ribu orang (0.5%) berbanding 7.37 juta orang yang direkodkan pada Disember 2020. Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah **disebabkan oleh bersekolah/ latihan** dengan sumbangan sebanyak 41.5 peratus dan diikuti oleh kategori **kerja rumah/ tanggungjawab keluarga** dengan 41.3 peratus. [Carta 8]

Carta 8: Peratus sumbangan penduduk luar tenaga buruh mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, November dan Disember 2021




KEDUDUKAN TENAGA BURUH 2021 SEPINTAS LALU

Pada tahun 2021, berdasarkan data purata bulanan, KPTB pada tahun tersebut meningkat 0.2 peratus kepada 68.6 peratus berbanding 68.4 peratus pada tahun 2020. Bilangan penduduk bekerja mencatatkan kenaikan sebanyak 3.0 peratus kepada 15.4 juta orang (2020: 15.0 juta orang). Peningkatan dalam guna tenaga adalah disebabkan oleh bilangan penduduk bekerja yang rendah pada tahun 2020. Selain itu, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial pada separuh kedua tahun tersebut juga turut menyumbang kepada pertumbuhan dalam guna tenaga berikutan negara mengalami peralihan PPN dari Fasa 1 kepada Fasa 4 yang dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai salah satu inisiatif untuk memastikan kesihatan rakyat dilindungi dan ekonomi negara dapat dibuka secara berperingkat dengan pematuhan kepada SOP.

Selain itu, usaha melawan pandemik terus berpanjangan dalam tahun 2021. Justeru menyebabkan pasaran buruh kekal dalam kedudukan yang mencabar, sekali gus mempengaruhi bilangan penganggur untuk terus meningkat bagi tahun kedua kepada 741.4 ribu orang (2020: 711.0 ribu orang). Justeru, kadar pengangguran pada tahun 2021 naik kepada 4.6 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2020 yang mana kadar pengangguran tertinggi sejak tahun 1993 (4.1%). [Carta 9]

Carta 9: KPTB and Kadar pengangguran, 1982- 2021¹



INISIATIF KERAJAAN²

Melalui Program Subsidi Upah (PSU) 1.0 di bawah Pakej PRIHATIN yang bertujuan memastikan pekerja dapat mengekalkan pekerjaan mereka, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja berdaftar telah mendapat manfaat dengan nilai yang diluluskan telah mencecah RM12.96 bilion sehingga 17 Januari 2022. Di samping itu, sejumlah RM1.41 bilion telah disalurkan kepada 81,101 majikan untuk mengekalkan seramai 717,188 pekerja melalui PSU 2.0 di bawah Pakej KITA PRIHATIN yang dirangka untuk menyokong majikan dan pekerja. Seterusnya, sejumlah RM3.63 bilion telah diagihkan kepada 161,948 majikan untuk mengekalkan 1.52 juta pekerja melalui PSU 3.0, manakala sebanyak RM2.19 bilion telah diagihkan kepada 143,474 majikan untuk meneruskan operasi mereka dan mengekalkan 1.72 juta pekerja

² Segmen ini dimasukkan ke dalam laporan sebagai rujukan pembaca berdasarkan Laporan LAKSANA ke-81 dan ke-83 berkenaan status kelulusan, pembayaran dan pendaftaran setakat 13 dan 28 Januari 2021.

di bawah PSU 4.0. Bagi PSU 5.0, Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) meneruskan pelaksanaan PSU bersasar kepada pengusaha pelancongan yang mengalami kemerosotan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah jualan atau pendapatan pada Oktober 2021 sehingga Disember 2021. Sehingga 17 Januari 2021, sejumlah RM1.82 juta telah disalurkan kepada 200 majikan untuk mengekalkan seramai 3,208 pekerja. Secara keseluruhan, Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM20.18 bilion kepada 357,468 majikan menerusi PSU untuk mengekalkan guna tenaga seramai 2.95 juta pekerja tempatan.

Tambahan pula, melalui Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya), sejumlah 15,098 majikan dan 116,316 pekerja telah mendapat manfaat di bawah program PenjanaKerjaya 1.0 dengan nilai sebanyak RM647.12 juta sehingga 25 Januari 2022. Di samping itu, sejumlah RM751.87 juta telah disalurkan bagi memanfaatkan sebanyak 16,648 majikan dan 138,659 pekerja di bawah PenjanaKerjaya 2.0. Selain itu, terdapat sebanyak 12,274 majikan dan 62,800 pekerja telah mendapat manfaat yang melibatkan sejumlah RM157.79 juta dana menerusi PenjanaKerjaya 3.0. Secara keseluruhan, melalui PenjanaKerjaya, Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM1.56 bilion kepada 44,020 majikan untuk mengekalkan seramai 317,775 pekerja tempatan. Selain itu, menerusi *Malaysia-Short Term Employment Programme* (MySTEP), seramai 63,221 pekerja telah diambil bekerja yang mana telah berjaya mencapai sasaran keseluruhan 50,000 kekosongan jawatan pada tahun 2021. Selain dari PenjanaKerjaya dan MySTEP, Kerajaan juga telah berjaya mewujudkan 137,950 pekerjaan baharu melalui pelaburan domestik dan 74.2 peratus daripadanya adalah dalam kategori mahir dan separuh mahir.

Bagi Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan, seramai 137,659 pekerja telah berjaya diambil bekerja khususnya dalam industri Pembuatan dan Perdagangan borong dan runcit sehingga 31 Disember 2021. Seterusnya, melalui Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran yang bertujuan untuk membantu pencari kerja khususnya dalam kalangan belia, seramai 151,505 individu telah diterima untuk mengambil bahagian dalam program yang disediakan sehingga 31 Disember 2021. Selain itu, di bawah Program Peningkatan Kerjaya (KPT-CAP) yang merupakan salah satu usaha menangani isu graduan menganggur, telah berjaya membantu seramai 19,266 graduan menganggur untuk mendapatkan pekerjaan. Begitu juga, Skim Perantisan Kebangsaan (SPN) yang merupakan skim perantis di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia dan agensi persekutuan di bawah ketiga-tiga kementerian, yang bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada belia sebagai perantis di pelbagai syarikat dan organisasi serta menyediakan sistem sokongan untuk memberikan pengalaman kepada belia juga meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia melalui *soft-skill training* dan *on-the-job training*. Program ini telah berjaya membantu seramai 14,990 belia untuk mendapatkan pekerjaan sehingga 31 Disember 2021.

Sementara itu, seramai 4,611 graduan telah berjaya ditempatkan dalam program PROTEGE Ready-to-Work pada tahun tersebut melalui *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTEGE) dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang direka untuk meningkatkan kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan graduan. Bagi MyDigitalWorkforce in Tech (MYWiT) yang diperkenalkan oleh kerajaan dengan kerjasama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja Malaysia dengan menggalakkan syarikat mengambil pekerja tempatan dalam pekerjaan teknologi dan perkhidmatan digital melalui insentif gaji dan subsidi kursus latihan, seramai 193 peserta daripada 2,153 pemohon di bawah program ini berjaya ditempatkan dalam bidang teknologi dan perkhidmatan digital sehingga 31 Disember 2021.

Untuk memperkasa perniagaan, melalui Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil, Sederhana (PKS) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang terdiri daripada *Special Relief Facility* (SRF); *Automation & Digitalisation Facility* (ADF); *All-Economic Sector Facility* (AES); dan *Agrofood Facility* (AF), sebanyak

26,369 PKS telah mendapat manfaat dengan nilai sejumlah RM12.59 bilion sehingga 14 Januari 2022. Selain itu, di bawah Skim Jaminan Danajamin Prihatin (DPGS) yang memberi tumpuan kepada perniagaan berdaya maju dalam semua sektor yang berdepan kesukaran akibat COVID-19, sejumlah RM2.06 bilion daripada jumlah jaminan telah diluluskan kepada 58 syarikat daripada 89 syarikat memohon jaminan. Seterusnya, sejumlah RM75.5 juta telah diluluskan bagi 376 permohonan daripada 730 permohonan melalui Pembiayaan Pelancongan PENJANA yang diperuntukkan khas untuk PKS Bumiputera bagi menyokong PKS dan mikro PKS yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19. Sementara itu, melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) yang merupakan inisiatif strategik di bawah TEKUN yang direka untuk membantu masyarakat India dalam meningkatkan ekonomi mereka melalui penglibatan dalam perniagaan dan keusahawanan, sejumlah RM21.50 juta telah dibiayai untuk membantu sebanyak 899 PKS Mikro. Tambahan lagi, sejumlah 19,381 PKS Mikro Pertanian telah dibantu yang melibatkan sejumlah RM241.17 juta di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank bagi menyokong Industri Pertanian dan Makanan.

Di samping itu, sehingga 14 Januari 2022, sejumlah RM90.5 juta disalurkan kepada 13,891 perniagaan untuk menyokong dan menggalakkan PKS dan Syarikat Pertengahan Teknikal dan Digital (MTC) untuk mendigitalkan operasi dan saluran perdagangan mereka dalam bentuk geran dan pinjaman. Seterusnya, melalui inisiatif CENDANA yang direka untuk menyokong sektor Sektor Kesenian, Kebudayaan dan Hiburan, sejumlah RM6.71 juta telah dibiayai kepada 589 penerima termasuk artis dan organisasi yang terlibat secara aktif dalam industri Seni dan Budaya Malaysia. Tambahan pula, di bawah Skim Pembiayaan Mudah Jaya untuk Institut Pengajian Tinggi Swasta (SPIM Penjana IPTS) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memberi tumpuan untuk menyokong IPTS Bumiputera yang terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi menampung modal kerja mereka, sejumlah RM152.3 juta disalurkan kepada 22 Bumiputera IPTS daripada 55 permohonan sehingga 31 Disember 2021.

MENUJU KE HADAPAN

Pandemik COVID-19 yang melanda ekonomi global bagi tahun kedua berturut-turut, telah menghalang pemulihan pasaran buruh secara penuh dan seimbang. Kadar di mana aktiviti ekonomi pulih adalah bergantung kepada sejauh mana virus tersebut dapat dikekang; oleh itu pemulihan ekonomi akan bergantung kepada paten geografi dan sektor yang berbeza³. Begitu juga di Malaysia, kesan pandemik ini menyebabkan pemulihan ekonomi sedikit terganggu dan ia juga turut menjelaskan pemulihan semula keseluruhan pasaran buruh memandangkan pemulihannya berkadar terus dengan prestasi ekonomi.

Sepanjang tahun 2021, kedudukan pasaran buruh Malaysia kekal dalam situasi yang mencabar berikutan krisis kesihatan yang berpanjangan. Proses pemulihan dalam pasaran buruh juga dilihat sedikit terjejas apabila negara sekali lagi melaksanakan “full lockdown” di seluruh negara pada Jun 2021, di mana langkah ketat ini hanya membenarkan perkhidmatan penting beroperasi sementara sekatan perjalanan juga diperketatkan. Seterusnya, dalam memastikan kesihatan awam dilindungi dan sekali gus membolehkan ekonomi negara dibuka semula secara berperingkat, Kerajaan telah melaksanakan PPN yang merangkumi empat fasa pelaksanaan. Pada penghujung tahun 2021, kebanyakan negeri telah berada dalam Fasa 4 PPN yang membenarkan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada SOP, justeru mendorong kedudukan tenaga buruh untuk pulih secara sederhana. Menjelang akhir tahun 2021 juga, bencana banjir telah melanda beberapa tempat tertentu di kawasan tengah dan pantai timur negara. Walau bagaimanapun, pasaran buruh dilihat tidak begitu terjejas berikutan kesannya lebih bersifat setempat. Pada Januari 2022, negeri Kelantan dan Sarawak telah beralih dari Fasa 3 PPN yang bermaksud bahawa semua negeri telah berada di Fasa 4 PPN, oleh itu membolehkan perniagaan beroperasi pada kapasiti penuh.

³ https://www.ilo.org/global/research/global-reports/weso/trends2022/WCMS_834081/lang--en/index.htm


Selain itu, pembukaan semula sesi persekolahan pada 9 Januari 2022 dijangka akan memberi impak yang lebih positif terhadap aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan seperti perkhidmatan bas sekolah, kantin sekolah dan pusat tuisyen. Manakala, bagi urusan ibadah umrah untuk rakyat Malaysia yang ditangguhkan buat sementara waktu sebelum ini, akan diteruskan semula pada 8 Februari 2022. Pelonggaran ini akan membolehkan ejen pelancongan umrah untuk meneruskan aktiviti mereka. Perkembangan positif ini memberi isyarat bahawa pasaran buruh dijangka akan terus bertambah baik pada bulan-bulan yang akan datang, namun tidak mengambil kira cabaran varian baharu dan lebih berbahaya. Di samping itu, krisis kesihatan Malaysia juga dilihat mencabar dengan purata bilangan kes harian yang meningkat. Walau bagaimanapun, kadar vaksinasi lengkap penduduk Malaysia naik kepada 78.8 peratus manakala golongan dewasa meningkat kepada 98.0 peratus sehingga 7 Februari 2022⁴.

⁴ <https://covidnow.moh.gov.my/bm/vaccinations/>



TENAGA BURUH MALAYSIA DISEMBER 2021

Tenaga buruh semakin baik pada Disember 2021, mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 4.2 peratus dengan 687.6 ribu orang penganggur manakala guna tenaga terus meningkat



TAHUNAN ^a	
BEKERJA	▲ 3.0%
2020	2021 ^b
14.96 juta	15.40 juta
PENGANGGUR	▲ 4.3%
2020	2021 ^b
711.0 ribu	741.4 ribu
KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH (KPTB)	▲ 0.2mp
2020	2021 ^b
68.4%	68.6%
KADAR PENGANGGURAN (KP)	▲ 0.1mp
2020	2021 ^b
4.5%	4.6%


% Peratus perubahan (tahun ke tahun)

% Peratus perubahan (bulan ke bulan)

mp Mata peratus

p Data awalan adalah berdasarkan purata dua belas bulan pada 2021

a Data muktamad bagi tahun 2021 akan diterbitkan pada April 2022



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia



KONSEP DAN DEFINISI



Apa itu Survei Tenaga Buruh (STB)?

Survei Tenaga Buruh (STB) dilaksanakan untuk mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran dari aspek penawaran tenaga buruh.

STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia menggunakan pendekatan taraf sebenar melalui kaedah temu ramah bersemuka, Computer Assisted Telephone Interview (CATI) dan telefon.

STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor oleh *International Labour Organizations (ILO)*.

Populasi penyiasatan merangkumi penduduk yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, hospital, asrama, dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.

Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.

TENAGA BURUH



- Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir).
- Sama ada bekerja atau menganggur semasa minggu rujukan.

LUAR TENAGA BURUH



- Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur.
- Contoh: suri rumah, pelajar, mereka yang telah bersara atau tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

BEKERJA



- Orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
- Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- Mereka yang tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

PENGANGGUR



- Mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari kerja.
- Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

KADAR PENGANGGURAN



- Perkadaran penduduk yang menganggur (tidak bekerja) kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh.
- Peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH



- Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi.
- Pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut.
- Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.
- Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15 hingga 64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus.

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL

TENAGA BURUH, MALAYSIA
DISEMBER 2021

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SENARAI JADUAL

Jadual A	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2020	A-1
Jadual B	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2021	A-2
Jadual B1	: Penduduk bekerja kurang dari 30 jam mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	A-3
Jadual B2	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	A-4
Jadual B3	: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mengikut jantina dan kumpulan umur, Malaysia, Suku Pertama 2017 - Suku Keempat 2021	A-4
Jadual C	: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Januari 2010 - Disember 2021	A-5
Jadual D	: Penduduk bekerja mengikut pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2020	A-8
Jadual E	: Penduduk bekerja mengikut industri, Malaysia, 1982 - 2020	A-9
Jadual F	: Penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan, Malaysia, 1982 - 2020	A-11
Jadual G	: Indikator tenaga buruh bagi negara terpilih, Disember 2020 - Disember 2021	A-12

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual A: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, 1982 - 2020

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk		Kadar Pengangguran
						('000)	(%)	
1982	5,431.4	5,249.0	182.4	2,944.6	64.8	62.7		3.4
1983	5,671.8	5,457.0	214.9	2,969.4	65.6	63.2		3.8
1984	5,862.5	5,566.7	295.8	3,119.6	65.3	62.0		5.0
1985	5,990.1	5,653.4	336.8	3,124.9	65.7	62.0		5.6
1986	6,222.1	5,760.1	461.9	3,188.3	66.1	61.2		7.4
1987	6,456.8	5,983.9	472.9	3,246.1	66.5	61.7		7.3
1988	6,637.0	6,157.2	479.8	3,301.5	66.8	62.0		7.2
1989	6,779.4	6,390.9	388.5	3,463.5	66.2	62.4		5.7
1990	7,000.2	6,685.0	315.2	3,519.7	66.5	63.6		4.5
1992	7,319.0	7,047.8	271.2	3,783.6	65.9	63.5		3.7
1993	7,700.1	7,383.4	316.8	3,874.9	66.5	63.8		4.1
1995	7,893.1	7,645.0	248.1	4,297.7	64.7	62.7		3.1
1996	8,616.0	8,399.3	216.8	4,379.0	66.3	64.6		2.5
1997	8,784.0	8,569.2	214.9	4,605.1	65.6	64.0		2.4
1998	8,883.6	8,599.6	284.0	4,934.0	64.3	62.2		3.2
1999	9,151.5	8,837.8	313.7	5,098.4	64.2	62.0		3.4
2000	9,556.1	9,269.2	286.9	5,065.1	65.4	63.4		3.0
2001	9,699.4	9,357.0	342.4	5,239.9	64.9	62.6		3.5
2002	9,886.2	9,542.6	343.5	5,473.8	64.4	62.1		3.5
2003	10,239.6	9,869.7	369.8	5,458.6	65.2	62.9		3.6
2004	10,346.2	9,979.5	366.6	5,730.5	64.4	62.1		3.5
2005	10,413.4	10,045.4	368.1	6,048.2	63.3	61.0		3.5
2006	10,628.9	10,275.4	353.6	6,205.1	63.1	61.0		3.3
2007	10,889.5	10,538.1	351.4	6,330.1	63.2	61.2		3.2
2008	11,028.1	10,659.6	368.5	6,575.7	62.6	60.6		3.3
2009	11,315.3	10,897.3	418.0	6,665.7	62.9	60.6		3.7
2010	12,303.9	11,899.5	404.4	7,023.0	63.7	61.6		3.3
2011	12,740.7	12,351.5	389.2	7,023.3	64.5	62.5		3.1
2012	13,221.7	12,820.5	401.2	6,927.4	65.6	63.6		3.0
2013	13,980.5	13,545.4	435.1	6,781.2	67.3	65.2		3.1
2014	14,263.6	13,852.6	411.1	6,821.0	67.6	65.7		2.9
2015	14,518.0	14,067.7	450.3	6,869.9	67.9	65.8		3.1
2016	14,667.8	14,163.7	504.1	6,987.6	67.7	65.4		3.4
2017	14,980.1	14,476.8	503.3	7,065.0	68.0	65.7		3.4
2018	15,280.3	14,776.0	504.3	7,094.4	68.3	66.0		3.3
2019	15,581.6	15,073.4	508.2	7,103.5	68.7	66.4		3.3
2020	15,667.7	14,956.7	711.0	7,225.5	68.4	65.3		4.5

Jadual B: Statistik utama tenaga buruh, Malaysia, Suku Pertama 2010 - Suku Keempat 2021

Siri Masa	Tenaga Buruh	Penduduk Bekerja	Penganggur	Luar Tenaga Buruh	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	("000)		(%)
						Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk	Kadar Pengangguran	
2010								
ST1	12,239.3	11,801.2	438.1	7,030.8	63.5	61.2	3.6	
ST2	12,304.9	11,900.6	404.3	7,047.5	63.6	61.5	3.3	
ST3	12,354.6	11,961.3	393.3	7,073.5	63.6	61.6	3.2	
ST4	12,522.4	12,137.4	385.0	6,992.9	64.2	62.2	3.1	
2011								
ST1	12,718.3	12,333.5	384.8	7,004.9	64.5	62.5	3.0	
ST2	12,756.0	12,367.4	388.6	7,048.8	64.4	62.4	3.0	
ST3	12,889.0	12,493.0	396.0	6,977.2	64.9	62.9	3.1	
ST4	12,842.5	12,447.9	394.7	7,098.6	64.4	62.4	3.1	
2012								
ST1	13,169.2	12,765.2	404.0	6,915.1	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,237.0	12,837.1	400.0	6,946.1	65.6	63.6	3.0	
ST3	13,401.7	13,005.4	396.3	6,897.9	66.0	64.1	3.0	
ST4	13,376.2	12,971.2	405.0	7,062.8	65.4	63.5	3.0	
2013								
ST1	13,539.5	13,118.0	421.5	7,090.0	65.6	63.6	3.1	
ST2	13,945.1	13,524.1	421.0	6,819.6	67.2	65.1	3.0	
ST3	14,214.2	13,776.0	438.3	6,613.0	68.2	66.1	3.1	
